

07/12/1999

Kabinet baru esok (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan senarai penuh Kabinet barunya Rabu ini, yang bakal menyaksikan beberapa timbalan menteri dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh.

Selain itu, beberapa bekas menteri sebelum ini dijangka dilantik semula selain beberapa menteri dijangka berpindah portfolio.

Perdana Menteri juga kemungkinan mewujudkan kementerian baru bagi menangani keadaan semasa, terutama ancaman Pas dan isu kehakiman negara.

Sumber-sumber memberitahu, Dr Mahathir dijangka menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pagi Rabu ini bagi mendapat perkenan sebelum mengumumkan Kabinet baru itu.

"Perdana Menteri menghadap Yang di-Pertuan Agong setiap Rabu sebelum mesyuarat Kabinet, tetapi kali ini untuk mengemukakan senarai jemaah menteri. Ketika mahu membubar Parlimen baru-baru ini pun, Dr Mahathir menghadap Yang di-Pertuan Agong pada Rabu," kata satu sumber.

Upacara mengangkat sumpah di Istana Negara akan diadakan selewat-lewatnya Sabtu ini dan persiapan mengenainya sudah dibuat, termasuk oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi menyiarkan upacara itu secara langsung.

Ini bermakna Kabinet dibentuk sembilan hari selepas pilihan raya umum ke-10 yang diadakan Isnin lalu, berbanding lapan hari selepas pilihan raya umum 1995.

Menurut sumber, Perdana Menteri tidak boleh menangguhkan lagi pengumuman Kabinet barunya itu bagi memastikan kerajaan terus berfungsi dengan baik dan langkah pertama nanti ialah pembentangan semula Belanjawan 2000 oleh Menteri Kewangan apabila sidang pertama Dewan Rakyat diadakan, mungkin pertengahan bulan ini.

Pada pilihan raya minggu lalu, Barisan Nasional (BN) sekali lagi berjaya mengekalkan majoriti lebih dua pertiga apabila memperoleh 148 daripada 193 kerusi Parlimen, walaupun Kerajaan Terengganu terlepas ke tangan Pas, selain parti pembangkang itu berjaya mempertahankan Kelantan.

Hari ini, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN mula menemui pemimpin parti komponen, dipercayai bagi mengemukakan cadangan senarai menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen untuk dipertimbangkan.

Antaranya ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, selain beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri, termasuk Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan); Datuk Wira Mohd Ali Rustam (Melaka); Datuk Seri Shahidan Kassim (Perlis); dan Pengerusi BN Sabah, Datuk Osu Sukam.

Turut dilihat memasuki pekarangan pejabat Perdana Menteri ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Kubang Rotan, Datuk Syed Razak Syed Zain Barakbah, yang disebut-sebut bakal menggantikan Tan Sri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah.

Bagaimanapun, Syed Razak yang tiba di pejabat Perdana Menteri pada jam 4 petang dan keluar dua jam kemudian, enggan memberi sebarang ulasan kepada wartawan.

Menurut satu sumber lain, beberapa lagi pemimpin parti komponen khususnya dari Sarawak dan Sabah dijangka menemui Dr Mahathir di Putrajaya petang esok kerana pada sebelah pagi Perdana Menteri mempunyai satu acara iaitu melancarkan buku mengenai alam sekitar di ibu negara.

Samy Vellu yang ditanya pemberita selepas menemui Dr Mahathir hari ini

berkata, beliau mengemukakan senarai nama mewakili MIC untuk dipertimbangkan ke jawatan Kabinet `tetapi keputusan muktamad terpulang kepada Perdana Menteri'.

Berikutan kekosongan sekurang-kurangnya tujuh jawatan menteri, termasuk yang tewas dan tidak bertanding pada pilihan raya umum lalu, beberapa nama disebut-sebut akan mengisi kekosongan itu.

Antara mereka yang dijangka dilantik sebagai menteri baru ialah bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib; bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin, Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Ahli Parlimen Jelevu, Datuk Dr Rais Yatim.

Timbalan menteri yang dijangka dinaikkan pangkat ialah Datuk Hishammuddin Hussein, Datuk Dr Fong Chan Onn (MCA) dan Datuk Dr Leo Michael Toyad dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Satu jawatan menteri penuh MCA kosong berikutan persaraan Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Leo Toyad pula mengisi kekosongan berikutan persaraan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, manakala muka baru, Datuk Effendi Norwawi kemungkinan dilantik timbalan menteri.

"Bagaimanapun, kerusi Kabinet yang diduduki Abang Abu Bakar sebelum ini bukan milik tetap PBB kerana ia cuma kerusi `bonus' untuk parti itu berikutan kecemerlangan prestasinya pada pilihan raya.

"Ini bermakna, Perdana Menteri boleh jika beliau mahu tidak mengisi kekosongan ditinggalkan oleh Abang Abu Bakar itu dengan wakil PBB. Sebaliknya, PBB mungkin diberi tambahan jawatan timbalan menteri," kata seorang pemimpin kanan PBB.

PBB diwakili dua menteri penuh sebelum ini iaitu Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Abang Abu Bakar serta seorang timbalan menteri dan setiausaha Parlimen.

Dari Sabah pula, bekas Ketua Menteri, Datuk Salleh Tun Said kemungkinan dilantik menteri penuh menggantikan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam, kedua-duanya dari Umno.

Turut disebut-sebut dilantik sebagai menteri penuh bagi kuota Sabah ialah Presiden Pertubuhan PasokmomoGun Kadazandusun Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok, yang pernah memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), tetapi tidak dilantik semula apabila tewas pada pilihan raya umum 1995.

Pada pilihan raya umum lalu, Dompok merampas kerusi Parlimen Kinabalu daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) dengan majoriti 5,423 undi.

Sabah sebelum ini diwakili dua Menteri iaitu Menteri di JPM, Datuk Pandikar Amin Mulia dan Kasitah, kedua-duanya adalah ahli Dewan Negara tetapi tidak dipilih untuk bertanding pada pilihan raya umum baru-baru ini.

Bagaimanapun, MCA, MIC dan Gerakan kemungkinan besar tidak diberi tambahan jawatan menteri. Sebaliknya, tiga parti itu yang menunjukkan prestasi memberangsangkan pada pilihan raya umum lalu, dijangka diagihkan tambahan jawatan timbalan menteri.

Tiga jawatan menteri untuk wanita Umno pula kemungkinan diisi oleh Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Datuk Paduka Zaleha Ismail atau Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Napsiah Omar.

Perdana menteri juga mungkin melantik seorang senator dari Terengganu untuk jawatan menteri penuh setelah semua tiga timbalan menteri dari negeri itu tewas. Antara nama disebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh dan bekas Exco negeri, Datuk Dr Yusof Noor.

"Dr Yusof juga mempunyai peluang baik berikutan kekalahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Hamid Othman di Sik. Kabinet baru perlu menampilkan beberapa tokoh agama dan jika Hamid dilantik Senator, bermakna peluang Dr Yusof agak tipis dan ini memberi kelebihan kepada

Idris untuk dilantik senator," kata satu sumber.
(END)